

Pengurus perlu cekap, kata PM

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pengurus yang sebenarnya ialah mereka yang boleh meramal dan bersedia menghadapi perubahan.

Pada waktu kesukaran, hanya pengurus-pengurus yang berwibawa akan menunjukkan kecemerlangan mereka mengurus, katanya ketika merasmikan

Kongres Pengurusan Antarabangsa ke-20, di sini malam ini.

Katanya, mereka akan berusaha mencari peluang dan menyelesaikan sebarang masalah, tidak kira dalam apa juga keadaannya.

Perdana Menteri mengingatkan peserta kongres itu bahawa kecemerlangan mengurus boleh dicapai oleh semua pertubuhan, negara dan masyarakat. Yang penting ialah pengurus-pengurus mesti mempunyai fikiran yang tajam dan bersungguh-sungguh menjalankan kewajipan untuk mendapatkan faedah yang maksimum.

"Dunia pernah mengalami kemelesetan ekonomi dan berjaya pulih semula. Oleh itu, masalah kemelesetan sekarang perlu dikendalikan oleh pengurus-pengurus agar ia juga dapat dipulihkan segera," katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, Malaysia juga sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk mengejar kecemerlangan.

Konsep persyarikatan

"Sejak lima tahun lalu, kita telah meneliti dengan terperinci semua perkara yang telah dilakukan. Kita mengkaji semula dasar-dasar dan pendekatan lama. Malah kita mengkritik kaedah-kaedah pentadbiran dan pengurusan yang dianggap tidak boleh disentuh," tambahnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perubahan memang menimbulkan reaksi yang kurang selesa, apatah lagi jika ia menyentuh soal-soal yang sudah menjadi tradisi.

Kerana itulah, konsep persyarikatan Malaysia yang mensyaratkan kakitangan dan jabatan-jabatan kerajaan membantu sektor swasta mendapat keuntungan masih asing kepada kebanyakan rakyat. Begitu juga dengan konsep pengswastaan jabatan kerajaan.

Katanya, banyak pihak bersungut bila kontrak-kontrak besar diserahkan kepada firma luar negeri.

Bagaimanapun, langkah ini telah menyedarkan kontraktor tempatan supaya mengamalkan kaedah baru, menghargai masa, mutu dan mementingkan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) ke arah mewujudkan pengurusan yang cemerlang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa rancangan atau strategi yang baik sahaja tidak akan berkesan jika perlaksanaannya tidak dibuat dengan berhati-hati.